



7 Mei 2019
7 May 2019
P.U. (A) 126

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR
(LARANGAN MENGENAI JENIS-JENIS KACA TERTENTU)
(PINDAAN) 2019

*MOTOR VEHICLES (PROHIBITION OF CERTAIN
TYPES OF GLASS) (AMENDMENT) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (LARANGAN MENGENAI
JENIS-JENIS KACA TERTENTU) (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) (Pindaan) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 8 Mei 2019.

Pindaan kaedah 1

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 [*P.U. (A) 39/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 1 dengan menggantikan perkataan “**(Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu)**” dengan perkataan “**(Penggunaan Kaca atau Bahan Lutsinar lain)**”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “karavan” takrif yang berikut:

‘ “kenderaan pelancongan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*];’.

Pindaan kaedah 4B

4. Kaedah 4B Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) suatu perakuan kelulusan telah dikeluarkan kepada pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor di bawah kaedah 11.”.

Pindaan kaedah 5

5. Kaedah 5 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Larangan mewarnakan, dsb. kaca,” dengan perkataan “Penggunaan kaca”;

(b) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor yang kaca atau bahan lutsinar lain dipasang pada tingkap-tingkap tepi di sisi kiri dan kanan pemandu kenderaan motor itu diwarnakan, dilekapkan, disalut, disembur, ditampal, dipasang atau selainnya diproses atau dicampurkan dengan apa-apa bahan atau kimia hendaklah memastikan bahawa pemancaran menerusi kaca atau bahan lutsinar lain yang dipasang pada tingkap-tingkap tepi di sisi kiri dan kanan pemandu kenderaan motor itu sekurang-kurangnya lima puluh peratus cahaya tampak.”; dan

(c) dalam subkaedah (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan “subkaedah (3)” dengan perkataan “subkaedah (1) dan (3), dan perenggan 12(1)(b)”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “bas atau karavan yang

kaca atau bahan lutsinar lain yang dipasang pada sisi depan, sisi belakang dan belakang bas atau karavan” dengan perkataan “karavan, kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan barangan atau kenderaan pelancongan yang kaca atau bahan lutsinar lain yang dipasang pada cermin depan, tingkap-tingkap tepi di sisi kiri dan kanan pemandu, tingkap-tingkap tepi di kiri dan kanan sisi belakang dan belakang karavan, kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan barangan atau kenderaan pelancongan”.

Pindaan kaedah 7

6. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Menteri”.

Pindaan kaedah 8

7. Kaedah 8 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “yang ditetapkan” dengan perkataan “yang dinyatakan”.

Pindaan kaedah 11

8. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Ketakpakaian
dan
pengecualian”;

(b) dengan menomborkan semula kaedah sedia ada sebagai subkaedah (1);

(c) dalam subkaedah (1) yang dinomborkan semula—

- (i) dalam perenggan (a)—
 - (A) dengan menggantikan subperenggan (viii) dengan subperenggan yang berikut:

“(viii) Hakim Mahkamah Persekutuan,
Mahkamah Rayuan atau Mahkamah
Tinggi, atau Pesuruhjaya Kehakiman;”;
 - (B) dengan memasukkan selepas subperenggan (viii) subperenggan yang berikut:

“(viiiA) Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau
Mahkamah Tinggi Syariah;” dan
 - (C) dalam subperenggan (ix), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan itu perkataan “dan”;
 - (ii) dalam perenggan (b)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “(viii)” dengan perkataan “(viiiA)”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung perenggan dengan noktah; dan
 - (iii) dengan memotong perenggan (c); dan
- (d) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) yang dinomborkan semula subkaedah yang berikut:

“(2) Menteri boleh mengecualikan mana-mana pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini, apabila permohonan secara bertulis dibuat oleh pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor itu.

(3) Permohonan bagi suatu pengecualian di bawah subkaedah (2) hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

(4) Jika Menteri meluluskan permohonan bagi pengecualian di bawah subkaedah (2), Menteri hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kelima, mengeluarkan suatu perakuan kelulusan kepada pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor itu.

(5) Menteri boleh, jika disifatkannya perlu atau jika disebabkan kepentingan awam, mengetepikan atau mengurangkan mana-mana fi yang kena dibayar di bawah kaedah ini.

(6) Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat terhadap pengeluaran perakuan kelulusan itu sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(7) Menteri boleh membatalkan perakuan kelulusan itu jika pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor yang kepadanya perakuan kelulusan itu telah dikeluarkan tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan terhadap pengeluaran perakuan kelulusan itu.”.

Pindaan kaedah 12

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 12 dengan kaedah yang berikut:

“Ketakpakaian
kaedah 5

(1) Kaedah 5 tidaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa kaca atau benda lutsinar lain yang dipasang—

(a) bagi menutupi mana-mana lampu sesuatu kenderaan motor; dan

(b) pada tingkap-tingkap tepi di kiri dan kanan sisi belakang dan belakang suatu kenderaan motor, dengan syarat bahawa kenderaan motor itu dilengkapi dengan cermin pantulan kanan dan kiri.

(2) Tiada apa-apa dalam kaedah ini boleh ditafsirkan sebagai tidak menghendaki pematuhan kepada mana-mana undang-undang bertulis lain.”.

Pindaan Jadual Kedua

10. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kepala Jadual Kedua dengan kepala yang berikut:

“JADUAL KEDUA

[Kaedah 6(2)]

PERAKUAN KELAYAKAN”.

Pemotongan Jadual Ketiga

11. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong Jadual Ketiga.

Jadual baharu Kelima

12. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat Jadual yang berikut:

"JADUAL KELIMA

[Subkaedah 11(3) dan (4)]

FI

| (1) | (2) | (3) |
|-------------|--|------------------|
| <i>Bil.</i> | <i>Perihaln Fi</i> | <i>Jumlah Fi</i> |
| | | <i>(RM)</i> |
| 1. | Bagi setiap permohonan bagi pengecualian | 50.00 |
| 2. | Bagi setiap pengeluaran perakuan kelulusan | 5,000.00". |

Kecualian dan peralihan

13. (1) Mana-mana sijil kebenaran atau mana-mana pengecualian yang telah dikeluarkan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, disifatkan telah dikeluarkan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah terus sah sehingga dibatalkan atau tamat tempoh.

(2) Mana-mana permohonan bagi suatu sijil kebenaran atau suatu pengecualian di bawah Kaedah-Kaedah ibu yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini dan belum selesai di bawah Kaedah-Kaedah ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, disifatkan telah dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah

terus diuruskan di bawah Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

(3) Apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ibu yang belum selesai di bawah Kaedah-Kaedah ibu boleh, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, diteruskan seolah-olah Kaedah-Kaedah ibu tidak dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

(4) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, jika tidak mungkin bagi suatu kenderaan motor disebabkan oleh pembinaannya untuk mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini, pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor itu hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, memohon bagi suatu pengecualian di bawah subkaedah 11(2) Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat 7 Mei 2019
[KP/BD/PJ/0.4/1 Jld.27(41); PN(PU2)460/C]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

MOTOR VEHICLES (PROHIBITION OF CERTAIN TYPES OF GLASS)
(AMENDMENT) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by section 66 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Motor Vehicles (Prohibition of Certain Types of Glass) (Amendment) Rules 2019**.

(2) These Rules come into operation on 8 May 2019.

Amendment of rule 1

2. The Motor Vehicles (Prohibition of Certain Types of Glass) Rules 1991 [P.U. (A) 39/1991], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 1 by substituting for the words “**(Prohibition of Certain Types of Glass)**” the words “**(Use of Glass or other Transparent Materials)**”.

Amendment of rule 2

3. Rule 2 of the principal Rules is amended by inserting after the definition of “tinted” the following definition:

‘ “tourism vehicle” has the meaning assigned to it in the Tourism Vehicles Licensing Act 1999 [Act 594] and the Land Public Transport Act 2010 [Act 715];’.

Amendment of rule 4B

4. Rule 4B of the principal Rules is amended by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

(b) a certificate of approval has been issued to the registered owner or driver of the motor vehicle under rule 11.”.

Amendment of rule 5

5. Rule 5 of the principal Rules is amended—

(a) in the marginal note, by substituting for the words “Prohibition of tinting, etc. of glass” the words “Use of glass”;

(b) by substituting for subrule (3) the following subrule:

“(3) A registered owner or driver of a motor vehicle of which the glass or other transparent material fitted to the side windows to the left and right side of the driver of the motor vehicle is tinted, smeared, filmed over, sprayed, pasted, fitted or otherwise treated or combined with any material or chemical shall ensure that the transmission through the glass or other transparent material fitted to the side windows to the left and right side of the driver of the motor vehicle is at least fifty percent visible light.”; and

(c) in subrule (4)—

(i) by substituting for the words “subrule (3)” the words “subrules (1) and (3), and paragraph 12(1)(b)”;

(ii) by substituting for the words “bus or caravan of which the glass or other transparent material fitted to the front side, back side and rear of the bus or caravan” the words “caravan, public service vehicle, goods vehicle or tourism vehicle of which the glass

or other transparent material fitted to the windscreen, side windows to the left and right side of the driver, side windows to the left and right of the back side and rear of the caravan, public service vehicle, goods vehicle or tourism vehicle”.

Amendment of rule 7

6. Rule 7 of the principal Rules is amended by substituting for the words “prescribed in the Third Schedule” the words “as may be determined by the Minister”.

Amendment of rule 8

7. Rule 8 of the principal Rules is amended by substituting for the word “prescribed” the word “specified”.

Amendment of rule 11

8. Rule 11 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for the marginal note the following marginal note:

“Non-
application
and
exemption”;

(b) by renumbering the existing rule as subrule (1);

(c) in subrule (1) as renumbered—

(i) in paragraph (a)—

(A) by substituting for subparagraph (viii) the following subparagraph:

“(viii) a Judge of the Federal Court, Court of Appeal or High Court, or a Judicial Commissioner;”;

(B) by inserting after subparagraph (viii) the following subparagraph:

“(viiiA) a Judge of the Syariah Appeal Court or Syariah High Court;” and

(C) in subparagraph (ix), by inserting after the semicolon at the end of the subparagraph the word “and”;

(ii) in paragraph (b)—

(A) by substituting for the words “(viii)” the words “(viiiA)”; and

(B) by substituting for the words “; and” at the end of the paragraph the fullstop; and

(iii) by deleting paragraph (c); and

(d) by inserting after subrule (1) as renumbered the following subrules:

“(2) The Minister may exempt any registered owner or driver of a motor vehicle from any of the provisions of these Rules, upon application in writing made by the registered owner or driver of the motor vehicle.

(3) An application for an exemption under subrule (2) shall be accompanied by a payment of fee prescribed in the Fifth Schedule.

(4) If the Minister approves the application for the exemption under subrule (2), he shall, upon payment of fee prescribed in the Fifth Schedule, issue a certificate of approval to the registered owner or driver of the motor vehicle.

(5) The Minister may, if he deems necessary or if it is in the public interest, waive or reduce any fee payable under this rule.

(6) The Minister may impose any conditions on the issuance of the certificate of approval as he thinks necessary.

(7) The Minister may revoke the certificate of approval if the registered owner or driver of the motor vehicle to whom the certificate of approval has been issued fails to comply with any conditions imposed on the issuance of the certificate of approval.”.

Amendment of rule 12

9. The principal Rules are amended by substituting for rule 12 the following rule:

“Non-
application
of rule 5

(1) Rule 5 shall not apply in respect of any glass or other transparent material fitted—

(a) to cover any of the lights of a motor vehicle; and

(b) to the side windows to the left and right of the back side and rear of a motor vehicle, provided that such motor vehicle is

equipped with right and left reflecting mirrors.

(2) Nothing in this rule shall be construed as not requiring compliance with any other written law.”.

Amendment of Second Schedule

10. The principal Rules are amended by substituting for the heading of the Second Schedule the following heading:

“SECOND SCHEDULE
[Rule 6(2)]
CERTIFICATE OF FITNESS”.

Deletion of Third Schedule

11. The principal Rules are amended by deleting the Third Schedule.

New Fifth Schedule

12. The principal Rules are amended by inserting after the Fourth Schedule the following Schedule:

“FIFTH SCHEDULE
[Subrules 11(3) and (4)]
FEE

| (1) <i>No.</i> | (2) <i>Description of Fee</i> | (3) <i>Amount of Fee</i> <i>(RM)</i> |
|-------------------|--|--|
| 1. | For each application for exemption | 50.00 |
| 2. | For each issuance of certificate of approval | 5,000.00”. |

Savings and transitional

13. (1) Any certificate of approval or any exemption issued or given under the principal Rules before the date of coming into operation of these Rules shall, on the date of the coming into operation of these Rules, be deemed to have been issued or given under the principal Rules as amended by these Rules and shall continue to be valid until revoked or expired.

(2) Any application for a certificate of approval or for an exemption under the principle Rules made prior to the date of coming into operation of these Rules and pending under the principal Rules shall, on the date of the coming into operation of these Rules, be deemed to have been made under the principal Rules as amended by these Rules and shall continue to be dealt with under the principal Rules as amended by these Rules.

(3) Any investigation, prosecution or proceedings in respect of any offence under the principal Rules which is pending under the principle Rules may, on the date of coming into operation of these Rules, be continued as if the principal Rules had not been amended by these Rules.

(4) On the date of coming into operation of these Rules, if it is not possible for a motor vehicle by reason of its constructions to comply with any provision of the principal Rules as amended by these Rules, the registered owner or driver of that motor vehicle shall, after the date of the coming into operation of these Rules, apply for an exemption under subrule 11(2) of the principal Rules as amended by these Rules.

Made 7 May 2019

[KP/BD/PJ/0.4/1 Jld.27(41); PN(PU2)460/C]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport